

SteriPrep-NB Antiseptic Solution

Chlorhexidine Gluconate / Isopropyl Alcohol (0.5% w/v / 70% v/v)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan SteriPrep-NB
2. Bagaimana SteriPrep-NB berfungsi
3. Sebelum menggunakan SteriPrep-NB
4. Cara menggunakan SteriPrep-NB
5. Semasa menggunakan SteriPrep-NB
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan SteriPrep-NB
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan SteriPrep-NB

SteriPrep-NB digunakan sebagai antiseptik untuk kulit.

Bagaimana SteriPrep-NB berfungsi

SteriPrep-NB mengandungi chlorhexidine yang membunuh dan menghalang pembiakan pelbagai jenis bakteria. Ia bertindak dengan mengganggu membran sel. Ia juga bertindak terhadap beberapa jenis virus dan kulat.

Sebelum menggunakan SteriPrep-NB

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan SteriPrep-NB :

- jika anda alah kepada chlorhexidine gluconate atau isopropyl alcohol atau sebarang bahan lain yang terkandung di dalam ubat ini (disenaraikan dalam maklumat lanjut).

- Sebelum menggunakan SteriPrep-NB

Beritahu doktor, ahli farmasi atau jururawat anda sebelum menggunakan SteriPrep-NB.

Mengandung dan menyusukan anak

Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat

Elakkan sentuhan dengan otak, meninges (membran yang mengelilingi otak dan saraf tunjang) dan telinga tengah.

- SteriPrep-NB tidak boleh bersentuhan dengan mata kerana risiko kerosakan visual. Jika terkena mata, basuh dengan segera dan bersih dengan air. Sekiranya berlaku sebarang kerengsaan, kemerahan atau sakit pada mata, atau gangguan penglihatan, minta nasihat perubatan dengan segera.

Kes kecederaan kornea serius yang berterusan (kecederaan pada permukaan mata) yang berpotensi memerlukan kornea pemindahan telah dilaporkan apabila produk yang serupa telah bersentuhan dengan mata secara tidak sengaja semasa prosedur pembedahan, pada pesakit di bawah bius am (tidur nyenyak tanpa rasa sakit).

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan SteriPrep-NB

-Berapa banyak harus digunakan

Jangan cairkan. Gunakan dengan kepekatan yang asal.

Arahan penggunaan

Jika kulit kelihatan kotor, bersihkan dan keringkan sebelum menggunakan SteriPrep-NB. Sapukan SteriPrep-NB yang tidak dicairkan ke kawasan yang akan dinyahjangkit. Sapuan mestilah luas di sekitar tapak suntikan.

Kulit MESTI dibiarkan kering sebelum diraba atau dicucuk.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan SteriPrep-NB mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang perkara yang perlu anda lakukan jika anda terlupa menggunakannya.

Gunakan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan menggunakan ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan gunakan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan SteriPrep-NB

- Perkara yang perlu dilakukan

Guna produk ini mengikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan SteriPrep-NB.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula menggunakan sebarang produk baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan SteriPrep-NB kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

SteriPrep-NB hanya untuk kegunaan luaran sahaja.

Tidak boleh bersentuhan dengan mata. Elakkan daripada bersentuhan dengan telinga, mulut. Jika terkena, segera bersihkan dengan air.

SteriPrep-NB Antiseptic Solution

Chlorhexidine Gluconate / Isopropyl Alcohol (0.5% w/v / 70% v/v)

Ia sangat mudah terbakar. Pastikan kulit dan sekelilingnya benar-benar kering sebelum diathermy (terapi pemanasan mendalam).

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, SteriPrep-NB boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

SteriPrep-NB boleh menyebabkan reaksi hipersensitiviti. Hentikan penggunaan dan jumpa doktor jika anda mengalami kegatalan, ruam, kemerahan, kerengsaan, bengkak, kesukaran bernafas, pening, degupan jantung yang cepat dan alahan yang serius.

Kesan sampingan lain yang mungkin, yang tidak diketahui berapa kerap ia berlaku, adalah:

- gangguan kulit alahan seperti dermatitis (keradangan kulit), pruritus (gatal), eritema (kemerahan kulit), ekzema, ruam, urtikaria (gatal-gatal), kerengsaan kulit dan lepuh.
- kecederaan kornea (kecederaan pada permukaan mata), dan kerosakan mata kekal termasuk kecacatan penglihatan kekal (selepas pendedahan okular secara tidak sengaja semasa pembedahan kepala, muka dan leher prosedur) pada pesakit di bawah anestesia am (tidur nyenyak tanpa rasa sakit).

Prevalens hipersensitiviti kepada chlorhexidine tidak diketahui, tetapi kemungkinan besar sangat jarang berlaku. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan SteriPrep-NB

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Jauhkan dari haba, api dan sinaran matahari secara langsung.

Jauhkan semua ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Cecair jernih berwarna jingga kemerahan.

SteriPrep-NB boleh didapati dalam botol plastik 500ml, 100ml, 60ml dan 30ml.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Chlorhexidine gluconate dan Isopropyl alcohol.

- Bahan tidak aktif

Sodium Citrate Dihydrate, Glucono delta lactone, Citric Acid Anhydrous, FD&C Red No 40 dan purified water.

- Nombor MAL:

MALXXXXXXXXXX

Pengilang

Pahang Pharmacy Sdn. Bhd.

Lot 5979, Jalan Teratai, 5 ½ Mile Off Jalan Meru, 41050 Klang Klang, Selangor Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Steriline Sdn. Bhd.

Lot 5979, Jalan Teratai, 5 ½ Mile Off Jalan Meru, 41050 Klang, Selangor Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

27/08/2025

Nombor Siri

NPRA(R2) 25/100